



Ruj. Kami : ANM.NS.600-2/6/4 (1)

Tarikh : 17 Januari 2022

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Jabatan Persekutuan Negeri Sembilan**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Dr/Tuan/Puan,

**TATACARA PELUPUSAN ASET DENGAN HASIL YANG MELIBATKAN
PENJUALAN ASET DENGAN DEPOSIT**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) nombor rujukan JANM/BPOPA.600-1/4/1(29) bertarikh 3 Januari 2022 adalah juga berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak BPOPA, JANM telah menyediakan Tatacara Pelupusan Aset Dengan Deposit. Tatacara ini dikeluarkan untuk memberi panduan berhubung tindakan pelupusan aset dengan hasil yang melibatkan penjualan aset dengan deposit serta menerangkan peranan Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Pejabat Perakaunan bagi memastikan pelupusan aset dengan hasil dapat diperakaunkan secara teratur dan menyeluruh dalam *Integrated Government Financial and Management Accounting System (iGFMAS)*.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/ Dr/Tuan/Puan, tatacara ini perlu dibaca bersama dengan polisi dan dasar sedia ada yang berkuatkuasa seperti berikut:

- i. *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*
- ii. Pekeliling Perbendaharaan
- iii. Polisi Perakaunan Akruan
- iv. Manual Perakaunan Akruan (MPA)
- v. Manual Operasi Perakaunan Akruan (SOP day 2)
- vi. Arahan Operasi dari semasa ke semasa

4. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini disertakan Tatacara Pelupusan Aset Dengan Deposit seperti di **Lampiran B** dan ia juga boleh diakses secara atas talian di pautan laman sesawang <https://www2.anm.gov.my/akruan>.

5. Perhatian dan kerjasama daripada pihak YBhg.
Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

'Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul'

Saya yang menjalankan amanah,



(MASAYU BINTI MUSTAFA C.A.(M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Sembilan